**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KEEMPAT BELAS**
**02 OGOS 2018**

**PERKARA: 4(B)(IV)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN**
**YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

7. Isu pembelian lot tempat letak kereta yang terlalu mahal untuk perumahan Kos Rendah & Kos Sederhana Rendah. Apakah tindakan kerajaan untuk mengawal perbuatan setengah pemaju yang mengaut keuntungan yang tidak munasabah?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH**
**MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri pada dasarnya memberi kelonggaran kepada pihak pemaju untuk menjual unit-unit Rumah Mampu Milik (RMM) beserta pakej ubahsuai dan Tempat Letak Kereta (TLK) kepada pemohon yang telah diluluskan untuk penawaran. Pakej yang melibatkan penambahan kos ini perlulah dipersetujui pembeli berasaskan prinsip "*willing buyer, willing seller*". Bagi memastikan tiada unsur paksaan yang dikenakan oleh pemaju, Kerajaan Negeri telah mensyaratkan supaya akuan berkanun ditandatangani oleh pembeli dalam urusan jual beli unit yang ditawarkan.

   Meskipun begitu, Kerajaan Negeri sedar terdapat banyak aduan berhubung harga TLK yang dijual pada harga yang terlalu tinggi. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) akan memanggil pemaju yang terlibat untuk memberi penjelasan serta menyelesaikan pertikaian dengan pihak pengadu. Bagi memastikan arahan ini dipatuhi, pemberian senarai nama pembeli baru akan ditangguhkan sehingga aduan berkenaan diselesaikan.

Dalam pada itu, kajian sedang dijalankan melalui siri-siri perbincangan bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, PLAN Malaysia @ Pulau Pinang dan Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Objektif utama jawatankuasa kecil ini adalah untuk menetapkan harga maksima TLK melalui penambahbaikan dan penyeragaman Garis Panduan Tempat Letak Kenderaan di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).